

Newspaper	Berita Harian
Date	2/12/2012

Dr Mahathir jamin terus bantu parti

BH - 2/12/12

Tun Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan akan terus membantu UMNO dan Barisan Nasional (BN) untuk mencapai kemenangan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Dr Mahathir juga bersetuju dengan ucapan Datuk Seri Najib Razak yang antara lain menegaskan, kepentingan parti harus diberi keutamaan oleh ahli melebihi kepentingan lain.

“Saya sangat setuju dengan ucapan (penggulangan) beliau (Najib), parti memang sangat penting melebihi segala-galanya. Kerana itu saya cuba membantu mendapatkan semua orang supaya mendahulukan parti berbanding kehendak individu,” katanya mengulas ucapan pengulangan Najib di Perhimpunan Agung UMNO 2012, semalam.

Puji sikap rendah diri Najib

Dr Mahathir juga memuji sikap rendah diri dan ikhlas Najib yang tanpa segan silu mengucapkan terima kasih kepada beliau dan Tun Abdullah Ahmad Badawi selaku bekas Presiden.

Katanya, sikap Presiden UMNO itu menunjukkan pemimpin tertinggi negara tidak lupa kepada sesiapa yang berjasa dan menyumbang kepada UMNO.

“Nampak dia berterima kasih kepada semua, bukan saya saja. Kepada Timbalannya (Tan Sri Muhyiddin Yassin) berkali-kali dia sebut. Kepada Puteri, Wanita, Pemuda, perwakilan... dia tak lupa sesiapa,” katanya.